

Cabaran Wawasan

BH 25 DEC 1993

UCAPAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir Persidangan Antarabangsa Pelajar-Pelajar Malaysia mengenai Wawasan 2020 di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) pada 23 Disember 1993.

IZINKAN saya memulakan ucapan dengan mengatakan bahawa saya bukan datang untuk bercakap kepada anda tetapi bercakap bersama anda. Kehadiran saya bukan hanya untuk memberi penerangan tetapi juga mendengar dan belajar.

Saya berbangga kerana ada di antara anda, lelaki dan wanita yang jujur, berbakat, berdisiplin dan mempunyai kekuatan. Anda bakal memimpin negara ke arah matlamat yang sudah disediakan. Sebagai generasi yang lebih tua, saya berbangga kerana Malaysia mampu melahirkan rakyat Malaysia seperti anda.

Oleh itu, dengan rendah hati saya hadir di sini dengan kesedaran bahawa apa saja yang diusahakan oleh generasi sekarang, hanya sebagai menyediakan asas dan kemungkinan tingkat-tingkat pertama. Anda sebagai generasi wawasanlah yang akan menjadi pembina, penggerak dan pembentuk Malaysia terutama dalam tempoh separuh pertama abad ke-21.

Pada tahun 2020, kebanyakan generasi anda akan berusia pertengahan atau lewat 40-an. Ketika itu, saya berharap anda sudah banyak mencapai kemajuan. Jika anda gagal bermakna wawasan melahirkan Malaysia yang moden dan maju akan terjejas. Saya menjangka pada tahun 2020, anda masih perlu melalui laluan yang jauh, kerana proses kemajuan berterusan. Kita tidak meletakkan tahun 2020 sebagai tarikh penamat kepada semua kejayaan kita.

Ketika saya sebaya anda, Peperangan Dunia Kedua baru sahaja berakhir. Jepun sudah ditewaskan dan anggapan bahawa Eropah itu kebal berjaya dimusnahkan. British kembali menjajah

negara ini dengan pelan baru iaitu mengubah pemerintahan di Tanah Melayu kepada konsep Malayan Union. Ini bermakna, semua kuasa pada tangan Kerajaan Britain. Kita bersyukur kerana berjaya menyekat mereka sebelum banyak kerosakan berlaku. Persekutuan Tanah Melayu dengan segera menggantikan Malayan Union, tetapi kita masih di bawah penjajahan British.

Di Kepulauan Borneo pula, sebuah syarikat iaitu *British North Borneo Company* menganugerahkan satu kawasan luas yang dikenali sebagai Borneo Utara kepada Kerajaan British. Keluarga Brookes pula memberi sebuah kawasan yang lebih besar kepada Kerajaan Britain. Wilayah yang besar ini ialah Sarawak.

Kita sebagai rakyat tidak pernah diajak berunding. Jika kita mengimbas kembali zaman itu, anda mungkin tidak mengenali wilayah yang kini menjadi sebahagian daripada negara kita. Ketika itu, segala pembangunan bukan untuk kepentingan rakyat tetapi pihak penjajah.

Matlamat *British North Borneo Company* ialah mencari wang dan melipatgandakan kekayaan pemegang sahamnya di England. Bagi keluarga Brookes pula, mereka menikmati kebanggaan dan kebesaran sebagai pemimpin masyarakat primitif.

Saya percaya banyak di antara anda dibiayai biasiswa. Malah beribu-ribu pelajar lagi sama ada di dalam atau di luar negara menikmati kemudahan itu. Ketika kita dijajah, hanya dua biasiswa diraja dikeluarkan di semua Negeri-Negeri Selat setiap tahun untuk melanjutkan pelajaran di England. Di empat negeri Persekutuan, hanya ada dua atau tiga biasiswa setiap ta-

hun. Kebanyakannya anak kita tidak mempunyai tempat di sekolah menengah Inggeris. Sekolah Melayu hanya menyediakan pendidikan untuk kanak-kanak bandar sehingga peringkat rendah saja. Harapan terbesar pelajar sekolah Melayu hanyalah menjadi guru sekolah Melayu.

Tidak seorang pun menjangka apa akan berlaku. Ada beberapa pemuda yang lantang bercakap mengenai kemerdekaan dan keinginan hidup sebagai rakyat bebas dalam sebuah negara bebas. Tetapi kemerdekaan bukan mudah dicapai atau semakin hampir. Sebenarnya, kemerdekaan perlu melalui pelbagai halangan.

Ketika itu bukan waktu untuk membentuk wawasan atau mengharapkan sesuatu bagi rakyat yang sudah lama hidup dalam kemiskinan. Kuala Lumpur hanya dipenuhi hutan, estet getah dan lombong bijih timah. Memang

nyata tidak ada setingan dan tidak ada pekerjaan di Kuala Lumpur.

Pada 1948, Komunis melancarkan perang gerila. Darurat terpaksa disyitiharkan. Masa depan negara yang muram bertukar menjadi gelap.

Saya memberi gambaran ringkas mengenai negara kita untuk menekankan bahawa sudah banyak yang kita capai. Kita seolah-olah domino yang akan jatuh kepada komunis. Kita sudah bertukar menjadi dinamo. Bagaimanapun, kejayaan itu hanyalah separuh perjalanan menuju tahun 2020. Jika pendapatan per kapita dijadikan ukuran bermakna kita hanya berada di tahap suku perjalanan sahaja. Oleh itu, kita mesti melipatgandakan sumber pendapatan.

Anda dilahirkan bebas. Anda memasuki alam dewasa dalam suasana dunia yang sudah berbeza. Anda mewarisi zaman yang berbeza daripada

2020 berat

generasi saya. Anda mesti membina masa depan yang lebih baik dalam pelbagai segi.

Anda adalah generasi yang bernasib baik. Oleh itu, jangan biarkan orang lain mengelirukan anda. Pada tahun dan dekad akan datang, anda akan menghadapi cabaran besar seperti yang kami hadapi. Anda perlu menghadapinya dengan ketabahan, keikhlasan dan sikap dedikasi yang sama. Anda memerlukan semua ini kerana proses mencapai kejayaan dan mempertahankannya mungkin sama berat tugas yang dipikul oleh generasi sebelumnya untuk memperjuang dan mengisi kemerdekaan.

Cabaran Wawasan 2020 adalah berat, walaupun jika dipikul oleh generasi yang memasuki alam dewasa selepas perang. Izinkan saya bermula dengan apa yang sudah kita takrifkan sebagai cabaran kesembilan Wawasan 2020: cabaran mewujudkan sebuah masyarakat yang makmur dengan ekonomi yang mampu bersaing, dinamik, berteknologi dan tahan lasak.

Dari segi ekonomi, kita menjangka pertumbuhan pada kadar tidak kurang tujuh peratus dalam tempoh 30 tahun akan datang. Purata pertumbuhan ekonomi di antara 1970 dan 1990 ialah 6.7 peratus. Bagaimanapun, ia meningkat lebih lapan setengah peratus sejak lima tahun lalu. Peningkatan sebanyak 0.3 peratus pada setiap tahun kini bukanlah sesuatu yang mustahil lagi.

Percayalah, ia berpunca daripada pelbagai sebab walaupun pada masa yang sama pertumbuhan ekonomi kuasa besar mulai perlahan berbanding negara kecil. Pertumbuhan pesat sekarang adalah langkah awal menuju pencapaian lebih baik pada masa depan. Tetapi jika pencapaian awal perlahan maka matlamat purata tujuh peratus pada masa depan sukar dicapai. Perlu diingat bahawa peningkatan satu peratus pada dekad kedua abad

ke-21 adalah berkali ganda lebih besar berbanding sekarang.

Kita mesti memastikan bahawa kita sentiasa memperbaiki daya saing dan keupayaan untuk menerima sebarang kesan buruk, menangani masalah ekonomi dan mengatasinya. Ini sudah pastinya sukar kerana kejayaan dan kemewahan akan mempengaruhi kita untuk leka dan mengabaikan dayaketahanan.

Cabaran kelapan Wawasan 2020 ialah memastikan ekonomi masyarakat yang teratur, seperti yang dijelaskan dalam empat objektif, iaitu pertama membasmi kemiskinan. Kedua, memastikan tiada perbezaan ekonomi mengikut bangsa. Ketiga, mengurangkan jurang perbezaan pendapatan kaum supaya selepas 2020 tiada pihak boleh mendakwa kaumnya adalah miskin manakala kaum lain kaya. Keempat, memastikan kerjasama dalam perkembangan ekonomi.

Kita tidak mahu kesejahteraan hanya dinikmati oleh segelintir orang, sebaliknya oleh semua rakyat Malaysia. Kita tidak boleh terlalu berbangga jika masih ramai rakyat ketinggalan dalam arus pembangunan.

Wawasan 2020, seperti yang diketahui, bukanlah semata-mata wawasan ekonomi, tetapi juga sosial, psikologi dan budaya. Kita berpegang kepada usaha mewujudkan masyarakat penyayang yang dinamik dan berperikemanusiaan.

Wawasan 2020 juga mengajak masyarakat supaya lebih inovatif dan memandang ke hadapan, tidak hanya bertindak sebagai pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun masa depan yang berasaskan saintifik dan teknologi.

Kita juga mahu membina masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi di mana segenap lapisan masyarakat tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan adalah bebas untuk mengamalkan adat istiadat, kebudayaan

dan agama tetapi masih merasakan mereka adalah dari satu bangsa.

Izinkan saya menyampaikan kepada cabaran keempat seperti yang ditetapkan dalam Wawasan 2020: cabaran bagi membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika; yang mana setiap warga-negara memiliki nilai-nilai agama dan kerohanian yang tinggi.

Dalam tempoh beberapa tahun akan datang, serangan terhadap kekuatan moral akan meningkat. Kita mengetahui perkara ini akan berlaku kerana ia sudah pun berlaku di kebanyakan negara maju, bahkan di kebanyakan tamadun pada masa silam. Pada akhirnya negara yang gagah menjadi lemah dan jatuh dan kejatuhan mereka bermula dari peringkat sebelum kedudukan mereka benar-benar kuat. Perkara ini berlaku kerana pengabaian mereka terhadap aspek etika dan moral yang menjadi asas dalam membentuk masyarakat. Kita tidak seharusnya membenarkan perkara ini berlaku dalam kepada kita semua. Jika ini berlaku segala pencapaian kita tidak akan bermakna. Oleh itu kita seharusnya memelihara dan menyemai nilai moral yang tinggi bagi mengekalkan pencapaian.

Ada satu lagi cabaran sosial, psikologi dan kebudayaan dalam Wawasan 2020 yang tidak seharusnya dilupakan dan ingin saya tekankan di sini. Ia adalah cabaran bagi mewujudkan psikologi yang bebas; terjamin dan maju dengan keyakinan diri sendiri. Masyarakat seperti itu haruslah berusaha ke arah kecemerlangan, sadar akan potensi mereka, tidak terlalu merendah diri dan dihormati oleh bangsa lain.

Biarlah saya akhiri garis panduan Wawasan 2020 ini dengan mengatakan bahawa ia mewujudkan dua cabaran politik; memperkukuh dan memajukan sebuah masyarakat demokratik yang matang, yang mengamalkan satu bentuk muafakat yang matang; masyarakat ber-

orientasi demokrasi Malaysia yang akan menjadi model bagi kehnyakan negara membanun; dan pengwujudan sebuah bangsa yang benar-benar bersatu dengantujuan yang sama; bangsa yang hidup dalam aman, etnik dan wilayah yang berpadu; hidup dalam harmoni dengan perkongsian secara adil; membentuk bangsa Malaysia yang taat setia dan dedikasi kepada negara.

Daripada semua matlamat yang digariskan dalam Wawasan 2020 itu, kita sama sekali tidak boleh melupakan bahawa perpaduan nasional menjadi asas 'sine qua non' asas utama matlamat kita.

Saya dimaklumkan bahawa 100 pelajar yang ada di dalam bilik ini dipilih melalui proses pemilihan yang ketat, berdasarkan pelbagai kriteria. Anda semua adalah antara yang terbaik bagi Generasi Wawasan.

Dalam tempoh 26 tahun lagi, generasi anda semua perlu membuat penyesuaian dalam keutamaan memurnikan serta mengubah suai wawasan bagi negara kita yang kini berada di sanubari generasi pertama sebagai rakyat yang bebas. Tetapi saya penuh yakin bahawa impian yang kita idamkan itu akan terus menjadi impian anda semua dan kekal di sepanjang masa.

Masih banyak yang harus dilakukan bagi menayakan dalam tempoh 312 bulan menjelang 2020. Bagi mencapai apa yang seharusnya dicapai memerlukan mobilisasi seluruh rakyat Malaysia. Semua pihak mempunyai fungsi yang boleh dimainkan yang boleh dilakukan. Tetapi ia juga memerlukan sumbangan daripada pemimpin yang dedikasi dan berpandangan luas, daripada pemimpin yang turut berkongsi impian ke arah cita-cita yang telah mendahului mereka.

Saya harap anda semua akan menyahut cabaran ini. Saya harap anda semua akan menjadi pemimpin itu, memimpin dan berkongsi segala-banaran dan kejayaan itu.